

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 01.04.2026 MASA: 06.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
TAHUN 2025
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT

**09 APRIL 2026 (KHAMIS)
9.55 PAGI**

**GRAND BALLROOM
HOLIDAY INN & SUITES PRAI PULAU PINANG
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor
Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai &
Pasangan

Yang Berusaha Puan Siti Haslinda Binti Hassan
Pengarah Jabatan Sumber Manusia Merangkap Penyelaras Majlis
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2025

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Pengerusi-Pengerusi Persatuan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Diraikan Para Penerima Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang Bagi Tahun 2025**

**Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita rafakkan ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2025 Majlis Bandaraya Seberang Perai**.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada para hadirin khususnya para penerima anugerah yang diraikan pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Hari ini bukan sekadar satu majlis penyampaian anugerah. Hari ini adalah hari kita mengangkat nilai kerja, dedikasi dan integriti ke satu darjat yang lebih tinggi. Di sebalik setiap nama yang dipanggil, terselit ribuan jam pengorbanan, keikhlasan dan komitmen yang tidak ternilai.
4. Bagi tahun 2025, seramai **315 orang daripada keseluruhan 3,901 warga kerja MBSP** telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Ini bukan angka biasa; ini adalah simbol

kepada kecemerlangan yang lahir daripada disiplin, kesungguhan dan semangat berpasukan.

5. Daripada jumlah tersebut, **lapan (8) orang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional**, manakala **307 orang daripada Kumpulan Pelaksana**, yang menjadi tulang belakang kepada kelancaran operasi MBSP setiap hari. Ini membuktikan bahawa kecemerlangan bukan hanya milik satu kelompok, tetapi milik semua yang bekerja dengan hati dan jiwa.
6. Saya ingin menegaskan bahawa setiap penerima pada hari ini bukan sahaja menerima pengiktirafan dalam bentuk sijil dan insentif kewangan, malah diberikan peluang untuk terus maju melalui latihan, kursus, serta pencalonan ke peringkat yang lebih tinggi. Ini adalah pelaburan MBSP terhadap modal insan; kerana kita percaya, **kejayaan organisasi bermula dengan kecemerlangan individu.**

Hadirin sekalian,

7. Dalam dunia yang semakin mencabar, perkhidmatan awam tidak lagi boleh bersifat biasa-biasa. Kita perlu menjadi luar biasa. Rakyat hari ini bukan sekadar mahu perkhidmatan; mereka mahukan pengalaman. Mereka mahukan penyelesaian yang cepat, tepat dan berintegriti.

8. Saya ingin mengajak semua warga MBSP untuk bertanya kepada diri sendiri:
“Adakah kita sekadar bekerja, atau kita sedang mencipta legasi?”.
9. Kita tidak mahu menjadi organisasi yang hanya menjalankan tugas, tetapi kita mahu menjadi organisasi yang memberi impak. Kita mahu MBSP dikenali bukan sahaja sebagai pihak berkuasa tempatan, tetapi sebagai **pemacu transformasi bandar yang progresif, inklusif dan mampan**.
10. Selari dengan aspirasi Penang2030 dan Malaysia MADANI, saya menyeru agar setiap warga kerja MBSP terus memperkukuh nilai integriti, profesionalisme dan kecekapan. Jadikan kecemerlangan sebagai budaya, bukan sekadar sasaran tahunan.

Hadirin yang dikasihi,

11. Kepada para penerima anugerah sekalian, setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan. Namun ingatlah; **anugerah ini bukan sekadar pengiktirafan, tetapi amanah**. Pada hari ini, saudara dan saudari bukan sahaja diraikan, malah diangkat sebagai **ikon kecemerlangan MBSP**. Maka, teruskan memimpin melalui teladan, menyemarakkan budaya kerja cemerlang dan menjadi inspirasi kepada seluruh warga organisasi.

12. Harapan saya sebagai Datuk Bandar Seberang Perai amat jelas. Saya ingin melihat MBSP terus melahirkan warga kerja yang bukan sahaja cemerlang dalam prestasi, tetapi juga unggul dari segi nilai dan jati diri. Saya ingin melihat setiap jabatan bergerak dengan satu visi yang sama; iaitu memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Dan yang paling penting, saya ingin melihat MBSP menjadi organisasi yang sentiasa ke hadapan, berani berubah dan sentiasa relevan.
13. Marilah kita bersama-sama membina sebuah MBSP yang bukan sahaja hebat pada hari ini, tetapi terus gemilang untuk generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.